

18 FEB 1999

Mahathir-Sabah

TIADA NIAT TINDAS SABAH, KATA DR MAHATHIR

SANDAKAN, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pusat tidak mempunyai sebarang niat menindas Sabah tetapi ingin memperuntukkan wang yang cukup untuk pembangunan negeri itu dan rakyatnya.

Perdana Menteri berkata peruntukan berjumlah berbilion ringgit telah dibelanjakan untuk Sabah.

"Niat kita ialah memperuntukkan wang yang cukup untuk pembangunan Sabah," katanya ketika berucap pada majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Barisan Nasional Sandakan di sini.

Dr Mahathir yang tiba pagi ini untuk lawatan tiga hari ke Sabah, berkata beliau masih ingat bahawa sewaktu BN mengambil alih daripada kerajaan Parti Bersatu Sabah pada 1994, bandar Kota Kinabalu masih tidak mempunyai lampu jalan.

"Bekalan elektrik tidak mencukupi kerana tidak ada wang untuk melabur untuk menjana elektrik, dengan itu rakyat hidup dalam kegelapan," katanya.

Perdana Menteri berkata dasar BN ialah menyatukan semua kaum dan menentukan mereka mendapat peluang yang sama untuk kekayaan.

Beliau berkata Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan selepas rusuhan kaum pada 1969 bukan sahaja dapat menyatukan semua kaum bahkan turut membantu semua kaum di negara ini dan dengan itu, tidak ada lagi rasa iri hati antara kaum di negara ini.

"Kita merapatkan hubungan kaum melalui tindakan politik, kita tidak tamak dan tidak mahu satu kaum sahaja mendapat semua kekayaan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kaum-kaum utama di Sabah diberi peluang untuk menerajui kerajaan negeri kerana Sabah mempunyai penduduk daripada pelbagai kaum.

"Kita tidak tamak... kita bersedia berkongsi kuasa," kata beliau.

Ketua Menteri Sabah sekarang Tan Sri Bernard Dompok dan bekas Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee serta Datuk Salleh Said Keruak menjaga kepentingan dan memberi layanan yang adil kepada semua kaum di Sabah.

"Dasar BN semata-mata mahu melihat negara menjadi maju, itulah niat kita semata-mata,"

"Kita bukan hendak berlagak menjadi Perdana Menteri, jadi Ketua Menteri....gelaran Perdana Menteri atau Ketua Menteri hanya untuk berkhidmat kepada rakyat," katanya.

Dr Mahathir mahu rakyat negara ini bersyukur kerana dapat hidup aman damai walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Beliau berkata keamanan dan keharmonian ini dapat terus dikecapi jika kerajaan BN terus memerintah.

-- BERNAMA

AFY FAZ